

Sambutan Bulan

Sambutan Bulan Kemerdekaan KUKUM 2004 telah disambut dengan meriah dan gemilang sekali. Sebanyak 12 program utama telah dirancang dan dijalankan oleh universiti ini pada tahun ini, yang mana program-program ini bukan sahaja melibatkan warga KUKUM sahaja, malah terdapat juga program yang melibatkan penduduk-penduduk sekitar negeri Perlis serta satu program di peringkat kebangsaan. Sambutan diadakan bertujuan bagi memupuk semangat patriotisme dan cintakan negara di kalangan warga KUKUM itu sendiri.

Program sambutan pada tahun ini telah dimulakan dengan Majlis Perlancongan Sambutan Bulan Kemerdekaan & Kempen Kibar Jalur Gemilang KUKUM 2004 yang telah diadakan di Kampus Kubang Gajah pada 17 Ogos 2004. Majlis ini telah disempurnakan perasmian oleh Y. Bhg. Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin, Rektor KUKUM. Pada majlis ini juga seramai 500 kakitangan dan pelajar KUKUM telah menyertai konvoi bermotosikal dan kereta dari tapak perasmian ke Kolej Kediaman Pelajar di Kampung Wai, Kuala Perlis.

Pada 22 Ogos pula telah diadakan Program Jalan Kaki Patriotik KUKUM yang mana ia melibatkan penyertaan dari semua warga KUKUM. Dalam program ini warga KUKUM telah berjalan kaki sejauh 10km bermula dari Kompleks Pusat Pengajian, Jejawi hinggalah ke Gua Cenderawasih yang terletak berhampiran dengan Kompleks Budaya Negeri Perlis. Di samping berjalan kaki semua peserta juga sempat beramah mesra dengan penduduk Kampung Repoh dan juga mengadakan aktiviti 'pocho-pocho' di Padang Bandaran, Kangar.

Terdapat juga beberapa program melibatkan pelajar-pelajar yang telah dianjurkan oleh Kolej Kediaman dan Pusat-pusat Pengajian yang mana antaranya ialah Program 'One Home One Tree', Jalur Gemilang Gergasi, Pertandingan Senamrobik dan 'Pocho-Pocho', Festival Nasyid KUKUM Edisi Ke-2 dan Hari Ko-Kurikulum Kemerdekaan KUKUM 2004.

Pada peringkat kebangsaan pula KUKUM telah menganjurkan Pertandingan Nasyid IPTA Peringkat Kebangsaan pada 16 September 2004 di Dewan Warisan, Kangar. Ia telah disempurnakan perasmian oleh Ke Bawah DYMM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Canselor KUKUM. Pada majlis yang sama turut diadakan Upacara Penutup Sambutan Bulan Kemerdekaan KUKUM bagi tahun ini.

Pada sambutan tahun ini juga, warga KUKUM berasa amat berbangga kerana Kontijen Kawad KUKUM muncul sebagai juara pada Pertandingan Kawad dan Perbarisan Sempena Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Perlis. KUKUM telah memenangi 3 kategori iaitu Johan Keseluruhan, Johan Bahagian Badan Berkanun dan Johan Inovatif. Syabas diucapkan kepada semua yang terlibat dalam mencapai kejayaan tersebut.



Kemerdekaan KUKUM



Sambutan Bulan Kemerdekaan KUKUM

